

SEKOLAH KEBANGSAAN GUAR NANGKA

02500 MATA AYER, PERLIS.

Tel : 04-9863562 Fax : 04-9862091

Minit Mesyuarat HEM Kali 4 2014

Tarikh : 5 November 2014

Masa : 1.45 petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Sekolah Kebangsaan Guar Nangka

Pengerusi : Pn. Dalila binti
Awang (Guru Besar)

Kehadiran

1. Pn. Dalila bt. Awang
(Guru Besar)
2. En. Chatri a/l Sing
(Penolong Kanan Pentadbiran)
3. En. Nadzmi b. Mahyuddin
(Penolong Kanan Hal Ehwal Murid)
4. Pn. Ainun Kamaliyah bt. Kamarulzaman
5. Pn. Athiyah bt. Shuid
6. Pn. Azizah bt. Hassan
7. Pn. Hartina bt. Rosdi
8. Pn. Hasnah bt. Wahab

9. Pn. Hasniyanti bt. Mohd. Hanafiah
10. Pn. Jamalulhaslina bt. Fuad
11. Pn. Juniza bt. Hashim
12. Pn. Maslinabt.Jamaluddin
13. En. Mohammad Sofi b. Hassan
14. En. Muhamad Ridzuan b. Hj. Ismail
15. Cik Noormila Fairus bt.Bahari
16. Pn. Norliza bt. Kadir
17. En. Rohisyam b. Abidin
18. Pn. Ruzaini bt. Ismail
19. Pn. Salihah bt. Abd. Kadir
20. Pn. Sharizah bt. Abdullah
21. Pn. Siti@Lebar bt. Rejab
22. Cik. Suraiza bt. Abdullah
23. Pn. Suriany bt. Idris
24. Pn. Wan Hayazi bt. Wan Abdullah
25. En. Wan Muhammad Nizar b. Wan Pe
26. En. Yusrizal b. Yusoff

Tidak hadir

1. En. Isa bin Mat (tidak hadir tanpa sebab)
2. En. Ramlee bin Hussain (kursus)
3. Pn. Fauziah binti Musa (perjumpaan guru pemulihan)
4. Pn. Hisnawati binti Che Ishak (kursus)
5. Pn. Idah binti Mat Isa (cuti sakit)

1.0 UCAPAN Pengerusi (GURU BESAR)

1.1 Ucapan aluan

- 1.1.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih atas kehadiran semua guru ke mesyuarat HEM kali keempat sesi 2014.
- 1.1.2 Pengerusi berharap semua unit kecil HEM telah pun mengadakan mesyuarat mengikut bilangan yang telah ditetapkan bagi sesi 2014.
- 1.1.3 Pengerusi memaklumkan bahawa unit kecil HEM yang belum selesai mengadakan mesyuarat agar mengambil tindakan dengan kadar segera.
- 1.1.4 Surat panggilan dan minit mesyuarat perlu diletakkan dalam fail induk dan juga salinan diberikan kepada pihak pentadbiran.
- 1.1.5 PPPM – semua guru diberi penekanan dan setiap guru perlu faham apa yang dimaksudkan dengan PPPM
- 1.1.6 Peratus kehadiran murid tahun 1 hingga 6 mestilah 90% dan ke atas.
- 1.1.7 Masalah disiplin juga perlu diberi penekanan dan dikurangkan.
- 1.1.8 Banner aku janji perlu dipamerkan. “ Aku Janji Perlis : Top 5 menjelang 2016 “
- 1.1.9 Skor komposit sekolah dan skor yang perlu dicapai pada tahun hadapan. 2013 : 1.89 (band 2)
2014 : 1.70 (band 2)
2015 : 1.65 (band 1)
2016 : 1.60 (band 1)

Makluman dan tindakan : Semua guru

2.0 UCAPAN PK HEM

2.1 PK HEM berharap semua guru menyediakan laporan setiap aktiviti unit HEM kepada setiausaha untuk dimasukkan ke dalam fail induk.

2.2 PK HEM berharap agar unit kecil HEM meneruskan aktiviti yang belum dilaksanakan mengikut takwim perancangan sekolah.

3.0 MEMBENTANG DAN MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT LALU BIL 3 / 2014

3.1 Minit mesyuarat dicadangkan untuk disahkan oleh En. Muhammad Sofi b. Hassan dan disokong oleh Pn. Salihah bt. Abd. Kadir

4.0 PERKARA BERBANGKIT

4.1 Guru Besar memaklumkan bahawa Pn. Idah akan menjadi warden sementara dan akan bertugas pada jam 5.00 petang hingga 6.00 pagi. Manakala rutin tugas Pn. Idah akan diambil alih oleh Pn. Roshaniza.

4.2 Guru Besar juga menegaskan bahawa Pn. Idah perlu menjalankan tanggungjawab beliau sebagai warden. Aktiviti pelajar asrama perlu tersusun dan terkawal.

4.3 GPK HEM memaklumkan jumlah pelajar yang tinggal di asrama adalah sebanyak 42 orang.

4.4 Guru Besar menyatakan bahawa Guru Pendidikan Islam lelaki akan menjadi imam di asrama pada waktu malam secara bergilir-gilir.

Tindakan : Guru berkaitan

5.0 LAPORAN AKTIVITI UNIT HEM 2014

5.1 LAPORAN KANTIN

5.1.1PK HEM memaklumkan pihak sekolah berbesar hati menawarkan tender kantin bagi sesi 2015 kepada pengusaha kantin sedia ada namun pengusaha tersebut menolak secara baik dengan tawaran tersebut.

5.1.2 Cabutan tender baharu bagi memilih pengusaha kantin sekolah akan dibuat pada minggu akhir sesi persekolahan 2014. Semua AJK Kantin terlibat dalam sesi pemilihan tersebut.

Makluman dan tindakan : Semua guru dan AJK Kantin

5.2 LAPORAN ASRAMA DESA

5.2.1Pn. Roshaniza memaklumkan pihak pentadbiran dan guru perlu memantau akhlak murid asrama terutama pelajar tahun 6. Hal ini disebabkan terdapat beberapa orang pelajar asrama melakukan perbuatan lucah di bilik asrama.

Makluman dan tindakan : Semua guru & AJK Asrama

5.3 LAPORAN BADAN DISIPLIN DAN PENGAWAS

5.3.1 Pn. Norliza bt. Kadir memaklumkan bahawa AJK Disiplin dan pengawas telah pun mengadakan lantikan pengawas disiplin dan sumber bagi sesi 2015.

5.3.2 Tiada kes disiplin berat dilaporkan pada tahun 2014 dan Pn. Norliza juga memohon pihak pentadbiran memantau masalah ponteng di kalangan pelajar.

5.3.3 GPK HEM berharap semua guru kelas dapat memantau kehadiran pelajar ke sekolah.

5.3.4 Guru Besar berharap semua guru mesti mempunyai sifat kepedulian terhadap pelajar

Makluman : Semua guru

5.4 LAPORAN PROGRAM SUSU SEKOLAH

- 5.4.1 PK HEM memaklumkan AJK PSS memohon tempat yang sesuai untuk meletak susu kotak yang dibekalkan. Hal ini disebabkan tempat sedia ada kurang sesuai dan boleh mengakibatkan susu kotak tersebut rosak.
- 5.4.2 Guru Besar mencadangkan bilik kecil yang terdapat di dalam Bilik Kemahiran Hidup dijadikan bilik operasi PSS.
- 5.4.3 Guru Besar juga berharap fail dan rekod PSS dikemaskini setiap masa.

Makluman dan tindakan : semua guru & AJK PSS

5.5 LAPORAN KECERIAAN KELAS

- 5.5.1 Pn. Siti@Lebar bt. Rejab menyatakan bahawa keceriaan dan kebersihan kelas pada minggu akhir persekolahan sesi 2014 kurang memuaskan.
- 5.5.2 AJK Keceriaan Kelas memohon agar anugerah kebersihan dan keceriaan kelas pada tahun 2015 dibahagikan mengikut tahap iaitu tahap 1 dan tahap 2.

5.6 LAPORAN RMTS

5.6.1 AJK RMTS memaklumkan kualiti penyediaan makanan RMTS kurang memuaskan. Ada pelajar yang mendapat makanan sedikit.

Tindakan : AJK RMTS

5.7 LAPORAN BADAN KEBAJIKAN DAN BIASISWA MURID

5.7.1 Pn. Hasnah bt. Wahab memaklumkan bahawa AJK badan kebajikan murid telah mengadakan kutipan derma bagi pelajar yang bernama Mohd. Ridzuan b. Rodzi dari 4 Amanah atas kematian ibunya.

Makluman : Semua Guru

6.0 HAL-HAL LAIN

6.1 Guru Besar berharap pada tahun hadapan, sahsiah murid perlu dikawal dari awal sesi persekolahan

6.2 Guru Besar juga berharap masalah ponteng dapat dikenal pasti dan diambil tindakan dengan kadar segera pada tahun 2015. GPK HEM perlu memainkan peranan penting dalam tindakan ini.

6.3 Guru Besar berterima kasih kepada semua guru yang menjayakan Perkhemahan Unit Beruniform dan Pameran PIBK yang bertempat di Dataran Dato Sheikh Ahmad, Kangar.

Makluman : Semua guru

8.0 PENUTUP

8.1 Guru besar berharap semua guru dapat memainkan peranan penting terhadap disiplin dan kehadiran pelajar ke sekolah. Dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 5.30 petang

.....

Minit ini dicatat oleh :

Disediakan oleh :

1. Surianny bt. Idris

Setiausaha HEM

Setiausaha HEM

Sekolah Kebangsaan Guar Nangka

